

Amanat

**KETUA
PUSTAKAWAN
2023**

*“Keunggulan Bakat
Pemangkin Perkhidmatan Global”*

**ENCIK JAMALLUDIN BIN
HJ. SULAIMAN**
KETUA PUSTAKAWAN UiTM

23 MAC 2023 (KHAMIS)
9:00 PAGI

LIVE

LIRA UiTM PTAR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t

Salam UiTM Dihatiku dan Salam Malaysia Madani

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini di dalam **Majlis Amanat Ketua Pustakawan UiTM 2023**.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga Perpustakaan UiTM yang dapat bersama-sama dengan saya pada pagi ini menerusi Siaran Langsung di Youtube Rasmi Perpustakaan UiTM.

Saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan walau di mana sahaja berada, berikanlah perhatian sepenuhnya dan mengambil segala input yang disampaikan pada pagi ini untuk kita bersama-sama menggerakkan **UiTM Library Globally Marketable** atau **Kebolehpasaran Global Perpustakaan UiTM 2023**.

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan **Selamat Berpuasa di bulan Ramadhan 1444 Hijrah** kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Semoga ibadah puasa dan semua amalan kita sepanjang bulan Ramadhan ini akan diterima oleh Allah s.w.t. dan diberikan sebaik-baik ganjaran.

Tuan-tuan dan puan - puan yang saya kasihi sekalian,

Sempena Amanat Ketua Pustakawan pada pagi ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi Tahniah kepada Yang Berbahagia Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Ros atas pelantikan beliau sebagai **Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi MARA** yang baharu, berkuatkuasa pada 15 Februari 2023.

Ucapan Tahniah dan Syabas juga kepada staf Perpustakaan UiTM yang telah menerima **kenaikan pangkat** iaitu seramai 36 orang staf keseluruhannya yang terdiri daripada 6 orang staf Kumpulan Pengurusan dan Professional dan 30 orang daripada Kumpulan Pelaksana. Harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan akan terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Perpustakaan dan UiTM.

Seterusnya, Pengurusan Perpustakaan sentiasa menyokong **peningkatan ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat** warga kerja. Syabas dan tahniah kepada 6 orang staf yang telah berjaya menamatkan pengajian dan telah menerima penganugerahan di peringkat Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda. Saya berharap semua staf mempunyai impian untuk menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi.

Pencarian ilmu tidak terhenti sehingga ke akhir nyawa. Oleh itu, tuntutlah ilmu agar ilmu yang ada pada tuan-tuan dan puan dapat diamalkan dan dimanfaatkan kepada orang lain dan organisasi.

Tidak lupa juga kepada mereka yang pernah berjasa dan berkhidmat bersama-sama kita. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seramai 6 orang staf perpustakaan UiTM yang telah **bersara** pada tahun 2022. Jasa

dan budi baik mereka hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan **Selamat datang dan selamat bertugas** kepada 26 orang staf yang telah melapor diri dan telah menjadi ahli keluarga baharu Perpustakaan UiTM. Semoga tuan-tuan dan puan-puan dapat menggalas dan melaksanakan sepenuhnya amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

Pada tahun 2022, kita turut berdukacita dengan **kehilangan** seorang staf dan sahabat iaitu Allahyarham Mohd Ismail Mohd Salleh, Pembantu Pemuliharaan, UiTM Cawangan Perak. Allahyarham telah kembali ke Rahmatullah pada 17 Februari 2022. Ucapan takziah kepada ahli keluarga Allahyarham. Semoga roh mereka dicucuri rahmat oleh Allah swt.

Tuan-tuan dan puan - puan yang saya kasihi sekalian,

Tahun 2022 telah kita tinggalkan dengan pelbagai kejayaan dan cabaran, kenangan manis dan pahit kepada seluruh warga Perpustakaan UiTM.

Kita telah berjaya meraih pelbagai kemenangan yang sangat membanggakan dalam pelbagai bidang sama ada di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga Perpustakaan atas sumbangan, komitmen dan kerjasama yang sangat baik bagi kecemerlangan perpustakaan. Tahniah kepada semua.

Untuk itu, sebelum saya meneruskan amanat saya pada pagi ini, saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan bersama-sama menyelusuri kejayaan demi kejayaan yang telah diusahakan bersama sepanjang tahun 2022.



Para hadirin sekalian,

Pencapaian tahun 2022 telah menunjukkan kematangan fikiran dan cara kita bekerja. Sehubungan itu, pada tahun ini saya berharap dan menuntut kepada seluruh warga perpustakaan untuk melipat gandakan usaha bagi memacu perpustakaan UiTM menjadi lebih tangkas, progresif dan cemerlang untuk mencapai kebolehpasaran global.

Bagi memperkukuhkan fungsi jabatan PTAR dalam melaksanakan sistem tadbir urus tangkas dan meningkatkan kecemerlangan organisasi, **Penstrukturan dan pengorganisasian semula Perpustakaan Tun Abdul Razak** telah dilaksanakan .

Penstrukturan dan pengorganisasian semula Perpustakaan Tun Abdul Razak adalah melibatkan pertukaran dan pemansuhan beberapa jabatan/bahagian/unit bagi memberi fokus kepada halatuju perpustakaan ke arah *Globally Renowned University 2025*.

Saya berharap Penstrukturan dan Pengorganisasian Semula yang dapat dilihat pada Carta Organisasi Perpustakaan Tun Abdul Razak di UiTM Shah Alam ini telah digunapakai di seluruh Perpustakaan UiTM Cawangan.

Tuan-tuan dan puan - puan yang saya kasihi sekalian,

Tahun 2022 memperlihatkan pencapaian cemerlang Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM melalui **10 Petunjuk Prestasi Utama** yang memfokuskan kepada kompetensi global.

Tahniah dan syabas kepada semua warga kerja perpustakaan UiTM yang berusaha bersungguh-sungguh sehingga 8 daripada 10 KPI mencapai melebihi sasaran 100 peratus.

Pencapaian cemerlang Perancangan Strategik Perpustakaan UiTM turut berhubung kait dengan kepuasan bekerja staf.

Kajian kepuasan bekerja UiTM 2022 telah dilaksanakan untuk mengukur tahap kepuasan bekerja berdasarkan lima aspek, iaitu:

- i. Tugas dan tanggungjawab,
- ii. Kepimpinan Ketua dan Penyelia,
- iii. Hubungan,
- iv. Latihan dan Pembangunan Diri, dan akhir sekali
- v. Kemudahan Infrastruktur

Alhamdulillah, secara puratanya pencapaian peratusan kepuasan bekerja staf Perpustakaan UiTM adalah **94 peratus**.

Saya berharap semua Ketua Jabatan dan Ketua Perpustakaan Cawangan memberikan perhatian kepada penambahbaikan dalam aspek **hubungan dan komunikasi serta kemudahan infrastruktur** agar ia akan dapat menyuntik semangat dan motivasi kerja staf seterusnya akan dapat menyumbang kepada kecemerlangan operasi dan produktiviti kerja.

Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum bahawa Perpustakaan UiTM telahpun berada pada kedudukan ke- 83 Dunia bagi **Ranking Web of Repositories by Google Scholar** pada edisi 14 tahun 2022 dan terus menunjukkan peningkatan melebihi sasaran tahun 2023 dengan kedudukan terkini edisi 15 iaitu di tangga ke-56 dunia.

Pencapaian peringkat antarabangsa ini sangat membanggakan dan mampu melakarkan nama UiTM di persada global. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua staf yang telah berusaha secara kolektif bagi melonjakkan prestasi di peringkat antarabangsa dan mengekalkan kedudukan pertama di peringkat negara.

Tuan-tuan dan puan - puan yang saya kasihi sekalian,

Penglibatan aktiviti **keaktiviti dan inovasi** warga kerja Perpustakaan UiTM amat membanggakan. Syabas dan tahniah kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif i-Clique kerana telah menerima anugerah emas bagi Projek *My Knowledge Management (MyKM)* di *International Convention on Quality Concept Circles (ICQCC) 2022*, Jakarta, Indonesia yang diadakan secara atas talian pada 15 November 2022 hingga 18 November 2022.

Saya turut mengikuti perkembangan pencapaian lain-lain hasil kreativiti dan inovasi yang telah dirangkumkan di dalam video sebentar tadi. Ia membuktikan bahawa Perpustakaan UiTM mempunyai kekuatan pasukan kerja yang membudayakan kreativiti dan inovasi serta mempunyai daya cipta yang tinggi yang mampu memberikan impak positif kepada perpustakaan dan UiTM.

Harapan saya semoga lakaran kejayaan yang kita perolehi pada tahun 2022

menjadi pendorong untuk kita terus cemerlang pada tahun 2023 dan tahun-tahun berikutnya.

Dengan unjuran-unjuran positif ini, Pengurusan PTAR akan menggembeng usaha untuk mempertingkatkan lagi penyelarasan dan pemantauan agar pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang berjalan dengan baik mengikut tempoh dan sasaran yang telah ditetapkan.

Tuan-tuan dan puan - puan,

Seiring dengan fokus Kementerian Pendidikan Tinggi dan dan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor UiTM 2023, saya ingin mengajak warga Perpustakaan sekalian untuk melangkah ke hadapan berpandukan kepada sepuluh fokus utama PTAR 2023 dengan tema "**Keunggulan Bakat Pemangkin Perkhidmatan Global Perpustakaan UiTM**"

Tema ini adalah melambangkan kesediaan seluruh staf perpustakaan yang telah dan akan memiliki kompetensi global yang akan melonjakkan perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti dan menepati standard global.

Sepuluh fokus telah disusun dan diperkemas bagi pelaksanaan di seluruh Perpustakaan UiTM.

Fokus Pertama, Melonjakkan Kebolehpasaran Pelajar Sains Perpustakaan bagi melahirkan Future Librarian.

Sebagaimana keyakinan Naib Canselor terhadap kebolehpasaran pelajar UiTM di dalam pasaran dunia, perpustakaan merupakan agen industri utama kepada **Pelajar Sains Perpustakaan UiTM.**

Library Graduate Assistance Program (LibGAP) yang merangkumi enam modul akan diperkenalkan bagi memberi pendedahan kefungsi perpustakaan dan melibatkan pelajar dalam aktiviti atau Program Perpustakaan untuk *melahirkan Future Librarian*.

Selain itu, **Modul Pelajar Latihan Industri** secara berstruktur akan dibangunkan untuk memastikan Pelajar Latihan Industri yang menerima pengalaman dan amali daripada mana-mana Perpustakaan UiTM adalah menepati standard pasaran kerja terkini.

Saya berharap melalui dua inisiatif baharu ini akan melahirkan graduan sains perpustakaan yang bersedia dengan keperluan pasaran kerja yang lengkap dengan '*smart dan sharp skill*' melalui pengisian program yang akan disediakan oleh perpustakaan.

Fokus Kedua, Memperkasa Kecemerlangan Bakat Staf Perpustakaan

Sumber manusia merupakan aset penting bagi sesebuah organisasi untuk dijaga dan dipelihara dengan baik. Kekuatan sumber manusia di Perpustakaan UiTM kini adalah berjumlah 567 orang yang terdiri daripada 130 orang staf Pengurusan & Profesional dan 437 orang staf pelaksana.

Pelan Pembangunan Bakat Perpustakaan UiTM telah dirangka untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara holistik di kalangan Staf Perpustakaan UiTM bagi melahirkan dan membangunkan **Subject Matter Experts (SME)** di dalam bidang yang telah dikenalpasti.

Pelan Pembangunan Bakat telah menyenaraikan sepuluh bidang **Talent Pool** dan saya yakin bahawa semua staf

perpustakaan telah diberikan peluang untuk memilih bidang-bidang yang disukai berdasarkan bakat dan potensi diri masing-masing.

Tuan-tuan dan puan - puan yang saya kasihi sekalian,

Untuk makluman, saya amat berpuas hati dengan pencapaian dan pelaksanaan **Talent Pool** PTAR yang telah awal kita gerakkan pada tahun 2022 dan diteruskan secara terancang pada tahun 2023.

Alhamdulillah, saya juga berbangga apabila Yang Berbahagia Dato Naib Canselor di dalam Ucapan Resolusi beliau menyatakan bahawa **Talent Pool** PTAR akan dijadikan sebagai contoh terbaik dengan mekanisme pemantauan yang sistematik untuk diaplikasikan di peringkat universiti.

Saya ingin mengucapkan Syabas dan tahniah kepada **17 orang pelatih Speed Reading Perpustakaan UiTM** yang telah menjalani latihan dan seterusnya menggerakkan **Program Speed Reading bersama warga universiti**.

Saya turut mengambil peluang untuk bersama-sama terlibat dengan sebagai Penceramah bagi Program **Speed Reading** anjuran ILD Kampung Gajah pada 20 hingga 21 Mac 2023.

Alhamdulillah, kita telah menerima maklumbalas yang sangat positif daripada 38 orang peserta yang terdiri daripada staf akademik dan pentadbiran atas penganjuran pada kali ini. Sesi hands-on yang komprehensif telah dilaksanakan dengan baik untuk membantu kefahaman peserta.

Talent Pool seterusnya adalah **Research Data Management**. Dua orang pustakawan telah dihantar ke Universiti

Malaya bagi menghadiri *Workshop of Research Data Management for Librarian*.

Hasil daripada program tersebut, PTAR telah merangka Program kesedaran dan inisiatif pembangunan platform pengurusan data penyelidikan di Perpustakaan UiTM yang akan dikendalikan oleh Kumpulan Pakar *Research Data Management*.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada 12 orang pustakawan UiTM yang telah lulus peperiksaan **Microsoft Office Specialist: Excel Associate**. Ini adalah merupakan pelan tindakan untuk memastikan pustakawan UiTM mempunyai pentauliahan sebagai Digital Librarian yang boleh dirujuk dan dilantik sebagai tenaga pengajar.

Seterusnya bagi melahirkan pakar rujuk **Resources Description and Access (RDA)** Perpustakaan UiTM, 3 orang pustakawan UiTM telah dihantar mengikuti *Workshop on Library of Congress Subject Headings (LCSH) Scheme for Libraries and Information Centres*.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Selain daripada *Subject Matter Expert* yang akan dilahirkan melalui Program *Talent Pool* PTAR, saya juga berbangga dengan kemampuan dan komitmen staf perpustakaan yang telah menjadi pakar rujuk dan mendapat pentauliahan bakat dalam bidang-bidang tertentu yang akan memberi peluang besar kepada mereka untuk dikenali dan dirujuk oleh pihak dalam dan luar negara.

Fokus Ketiga, Memperkasakan Kecemerlangan Operasi melalui *Library World Class Standard Practices*

Semua warga perpustakaan perlu memahami bahawa semua proses kerja yang dilaksanakan di PTAR adalah diiktiraf oleh piawaian antarabangsa ISO 9001:2015.

Bermula pada tahun ini, pembudayaan ***Library World Class Standard Practices*** telah dilaksanakan di seluruh Perpustakaan UiTM bagi peningkatan mutu dan kualiti kerja yang akan menyumbang kepada penambahbaikan berterusan dan kecemerlangan operasi.

Pembudayaan ini telah dimulakan dengan penganjuran **Bengkel Penyediaan Dokumen Kualiti Perpustakaan UiTM** di PTAR Shah Alam pada Februari 2023 dan telah melantik 44 orang Pegawai Dokumen Kualiti melibatkan seluruh Perpustakaan UiTM.

Saya percaya pembudayaan ini telah berjalan dengan baik dan saya mendapati beberapa Perpustakaan UiTM Cawangan telah menggerakkan bengkel dan aktiviti kualiti di perpustakaan masing-masing.

Tahniah! ini merupakan indikator yang positif dan menunjukkan kesediaan warga perpustakaan untuk menerima perluasan ISO di Perpustakaan Cawangan pada masa akan datang.

Fokus Keempat, Membangunkan *Niche Collection* Perpustakaan UiTM

Lonjakan kecemerlangan perlu digerakkan bersama menerusi pemantapan pembangunan bahan rujukan universiti. Sehubungan itu, Perpustakaan UiTM telah mengenalpasti *niche collection* di setiap perpustakaan berdasarkan bidang khusus,

penyelidikan dan fokus pengurusan di UiTM.

Pembangunan *Niche Collection* Perpustakaan UiTM adalah bertujuan untuk :-

- i. Meningkatkan ketampakan hasil karya UiTM di peringkat global , dan
- ii. Memenuhi keperluan rujukan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan oleh warga UiTM.

Secara keseluruhan, pada tahun 2023, Perpustakaan UiTM akan mempunyai **15 *Niche Collection*** yang akan dirujuk oleh warga universiti melalui *UiTM Library Niche Collection Hub*.

Terima kasih kepada semua perpustakaan yang telah memulakan pembangunan bahan *niche* mengikut penetapan yang telah diseragamkan di dalam **Garis Panduan Pembangunan Koleksi Bahan *Niche* Perpustakaan UiTM**.

Harapan saya agar inisiatif ini akan menjadi nilai tambah kepada pembangunan sumber rujukan universiti yang akan mampu memenuhi dan mencakupi keperluan rujukan fakulti serta Pusat Tanggungjawab di UiTM.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Fokus Kelima, Melestarikan Inisiatif Perpustakaan Digital melalui Pelan Pendigitalan Perpustakaan.

Pendigitalan perpustakaan telah melalui enam fasa bermula pada tahun 1994. PTAR bergerak proaktif dalam melakukan transformasi memenuhi keperluan teknologi terkini.

Seterusnya pada tahun ini, **Pelan Pendigitalan Perpustakaan** akan diperkenalkan sebagai satu *blueprint* yang

mengandungi hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan perpustakaan.

Untuk makluman semua, pelan pendigitalan perpustakaan telah dibuat pemetaan kepada lima teras Pelan Strategik Pendigitalan UiTM 2020-2025. Ia sebagai panduan dalam perancangan, pembangunan dan pelaksanaan ICT selaras dengan keperluan pendigitalan perpustakaan.

Pelan ini juga berperanan dalam mengenal pasti keperluan perkhidmatan digital berpaksikan pelanggan merangkumi aplikasi dan data, infrastruktur, keselamatan, tadbir urus serta keupayaan ICT.

Fokus Keenam, Memperkasa Peranan Pustakawan Penyelidikan bagi Kelestarian Staf Akademik

Yang Berbahagia Dato Naib Canselor UiTM telah menyarankan agar staf akademik tidak menghasilkan penyelidikan secara bersendirian, tetapi secara *co-authorship* bersama para akademik atau penyelidik daripada universiti lain yang mempunyai skor *Field Weighted Citation Impact* yang lebih tinggi berbanding UiTM.

Pustakawan kini bukan hanya berperanan sebagai *curator* dan *cataloguer of knowledge* yang mahir dalam webometrik dan metadata tetapi juga sebagai *the active creator of knowledge dan data stewards*.

Sehubungan itu, tiga inisiatif Perpustakaan UiTM ke arah **Gerakan Sains Terbuka atau *Open Science*** yang akan dilaksanakan adalah:-

- i. Open Educational Resources***
- ii. Open Access to Research Publication***
- iii. Research Data Management***

Seterusnya, bagi memastikan peranan pustakawan kekal relevan, **Kemahiran Bibliometrik** melalui *Talent Pool PTAR* akan dilaksanakan bagi melahirkan kepakaran pustakawan dalam penyediaan laporan bibliometrik yang akan membantu **peningkatan penerbitan universiti.**

Selain itu, sebagai tanda sokongan PTAR dalam membantu usaha meningkatkan penulisan dan penerbitan dalam kalangan warga universiti, PTAR telah melanggan **Quillbot** dan akan disusuli dengan **Grammarly** yang boleh mula digunakan oleh warga UiTM pada tahun ini.

Saya berharap Pustakawan UiTM berfungsi sebagai penasihat atau pemudah cara dalam memberikan khidmat konsultasi dan sokongan penyelidikan kepada para akademik dan penyelidik UiTM agar ia dapat dimanfaatkan dan membantu universiti dalam penghasilan penulisan ilmiah yang berkualiti.

Seterusnya, saya menyeru seluruh warga perpustakaan UiTM mengambil tahu perkembangan terkini peranan PTAR di dalam memperkenalkan platform digital **PaperMachine@UiTM** yang akan membantu staf akademik menghasilkan penulisan bagi mencapai sasaran SATU penerbitan setiap tahun dengan lebih berkesan.

Untuk makluman, PaperMachine@UiTM akan menyediakan *template* penulisan berdasarkan empat kluster utama iaitu:-

- i. Sains dan Teknologi
- ii. Sains Sosial dan Kemanusiaan
- iii. Perniagaan dan Pengurusan, serta
- iv. Sains Kesihatan

Template yang disediakan akan memudahkan penghasilan artikel dan mendigitalkan proses penulisan di UiTM di samping memanfaatkan pangkalan data

atas talian yang telah dilanggan oleh PTAR.

Tuan-tuan dan puan-puan, Seterusnya

Fokus Ketujuh, Meningkatkan Penglibatan Aktif Perpustakaan Bersama Industri dan Komuniti

Saya sangat berpuas hati dengan perancangan dan pelaksanaan program kolaborasi PTAR. Saya berharap semua perpustakaan akan dapat meningkatkan aktiviti kolaborasi melalui pelbagai bentuk program seperti:

- i. *Library Community Engagement (LCE)*
- ii. Program Khidmat Masyarakat
- iii. Program Misi IQRA bagi projek sumbangan berbentuk bacaan ilmiah bersama komuniti

Oleh itu, bagi memastikan pelaksanaan kolaborasi perpustakaan mencapai impak tinggi dan menepati standard, **Garis Panduan Kolaborasi Perpustakaan UiTM** perlu disediakan agar menjadi panduan kepada seluruh perpustakaan UiTM.

Fokus Kelapan, Meningkatkan Keahlian Luar berfokuskan Alumni

Salah satu kekuatan dalaman UiTM adalah Alumni UiTM yang mempunyai lebih 600 ribu orang.

Saya menyeru agar semua perpustakaan meneruskan usaha menjalinkan **kolaborasi bersama Alumni** dan **mempromosikan Keahlian Luar** Perpustakaan kepada Alumni agar pembelajaran sepanjang hayat dan perkhidmatan perpustakaan akan berterusan dapat diberikan kepada Alumni UiTM.

Tuan-tuan dan puan - puan yang saya kasihi sekalian,

Fokus Kesembilan adalah Melestarikan Kewangan melalui Penjanaaan dan Penjimatan Perpustakaan.

Bagi memastikan kelestarian kewangan dapat dicapai, **inisiatif penjanaaan akan diteruskan dengan:**

- i. Memanfaatkan Ruang-ruang Perpustakaan UiTM sebagai sewaan ruang kepada pihak luar
- ii. Meningkatkan sumbangan individu untuk Tabung Sumbangan Kemudahan Perpustakaan, dan
- iii. Penjualan Cenderamata PTAR kepada pengguna dalaman atau luaran PTAR.

Seterusnya, bagi strategi penjimatan pula, PTAR akan mensasarkan **penjimatan sebanyak 15%** setahun melalui inisiatif :-

- i. Rundingan harga PDAT dan eBook.
- ii. Pengurangan harga perolehan bahan bercetak dengan membuat kajian pasaran yang lebih berkesan
- iii. Membuat analisa kandungan PDAT dengan melihat kepada jurnal yang dilanggan agar digunakan secara optimum oleh warga universiti.

Dan terakhir Fokus Kesepuluh, Memperkukuhkan Rekod Penting Universiti

Peranan Jabatan Arkib Universiti di dalam Pengurusan Arkib dan Rekod perlu diperhebatkan bagi memastikan dokumen bernilai university dipelihara dan dapat dirujuk pada masa hadapan.

Justeru itu, **Sambutan Hari Arkib UiTM** akan diadakan pada Jun 2023 bersempena dengan Hari Arkib Antarabangsa.

Melalui Program sambutan yang diadakan di peringkat universiti ini, saya berharap pelbagai pengisian kesedaran akan kepentingan pengurusan rekod dan arkib dapat digerakkan kepada seluruh warga UiTM.

Selain itu saya menyarankan supaya Jabatan Arkib Universiti untuk melihat kepada potensi dan peluang melalui **Sesi Perkongsian Amalan Terbaik Pengurusan Rekod dan Arkib** kepada semua PTJ UiTM dan Universiti Awam.

Saya juga ingin menekankan berkenaan **Penyeragaman Klasifikasi Fail Universiti** perlu dimulakan dengan segera setelah Klasifikasi Fail UiTM mendapat kelulusan daripada Arkib Negara Malaysia pada 31 Januari 2023.

Pelaksanaan penyeragaman ini akan memberi impak yang sangat besar kepada universiti yang akan menghasilkan satu pengurusan fail pentadbiran yang tersusun dan sistematik.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Alhamdulillah, saya telah berjaya menyempurnakan **siri jelajah dan turun padang** saya keseluruhan 39 buah Perpustakaan UiTM bermula pada 4 September 2022 di Kampus Segamat dan berakhir pada 21 Februari 2023 di kampus Tawau dan Kota Kinabalu.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga perpustakaan UiTM yang telah menyambut baik kedatangan saya, dan saya sangat berbesar hati dapat bersama-sama dengan keluarga besar perpustakaan UiTM.

Melalui pertemuan terus dua hala ini, saya sedar dan mengambil tanggungjawab sebagai seorang ketua perlu **mengambil tahu** dan saya amat menekankan **hubungan dan komunikasi yang baik** perlu dipertingkatkan bagi menjaga kehormatan organisasi.

Saya turut mendengar isu-isu berbangkit dan beberapa perkara yang memerlukan keputusan segera telah diambil tindakan dan alhamdulillah dapat diselesaikan,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Besar harapan saya agar kita dapat bersama-sama sebagai satu pasukan yang besar dengan kekuatan 39 buah perpustakaan dalam menjayakan pelan strategik perpustakaan UiTM.

Semua warga kerja tanpa mengira gred jawatan dan kedudukan mempunyai tanggungjawab dalam mencapai hala tuju ini.

Jika kita berusaha dengan lebih gigih hari ini dalam mempertingkatkan pencapaian output perpustakaan, saya pasti hasrat Pelan strategik PTAR dan UiTM untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah Universiti terkemuka di dunia akan tercapai dengan jayanya menjelang tahun 2025.

Justeru, saya menyeru kepada semua warga kerja Perpustakaan supaya menghayati prinsip **Nilai ESI dan i-DART** dan sentiasa berazam untuk mengamalkannya. Amalan nilai teras ini bukan sahaja mampu mengukuhkan kewibawaan PTAR malah menjadikan setiap individu sebagai pentadbir yang dihormati dan direstui Ilahi.

Selain daripada itu, saya juga berharap semua warga perpustakaan UiTM memahami **Enam Rukun MADANI** dan

dapat menerapkan kesemuanya di dalam kita mengurus dan melaksanakan tugas kita seharian.

Saya menggesa agar semua Perpustakaan UiTM dapat **mempamerkan poster MADANI ini di ruang-ruang strategik** perpustakaan supaya seluruh warga perpustakaan termasuk pelanggan yang berkunjung akan dapat merujuk dan memahami enam rukun MADANI. Ini adalah inisiatif perpustakaan sebagai hub maklumat yang paling mudah dan berkesan untuk disampaikan kepada semua.

Akhir kata, saya berdoa ke hadrat Allah SWT, semoga kita sentiasa diberkati dan dipermudah segala urusan. Marilah kita bersama-sama menuju kejayaan yang lebih gemilang pada tahun ini dengan yakin bahawa tahun yang baharu ini akan lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya, insya-Allah.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

